

Manuscript received date: 20<sup>th</sup> November 2017  
Manuscript acceptance date: 26<sup>th</sup> March 2018

## Aspek Pemikiran Dan Metodologi Penyampaian Al-Marbawi Dan Mustafa Abdul Rahman: Perbandingan Dalam Pentafsiran Surah Yasin

[Thoughts and Presentation Methodology of al-Marbawi and Mustafa Abdul Rahman: A Comparison in The Interpretation of Surah Yaseen]

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi  
Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
ahmadbazli@usim.edu.my

Zulkifli Mohd Yusoff  
Profesor, Jabatan Al-Qur'an dan Hadith,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
zulkifliy@um.edu.my

Selamat Amir  
Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Qur'an dan Hadith,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
selamat\_amir@um.edu.my

Zulkarnin Zakaria &  
Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
zulkarnin@usim.edu.my

Mahiz Spawi  
Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
mahiz@usim.edu.my

### Abstrak

Perkembangan bidang tafsir di Malaysia diperangaruhi oleh tokoh ulama Melayu daripada pelbagai institusi pendidikan dan setiap daripada mereka mempunyai metode pengajaran tafsir yang tersendiri. Keunggulan ilmu tokoh ulama terdahulu dapat dilihat melalui penghasilan kitab-kitab tafsir. Kajian ini bertujuan menganalisis perbandingan aspek pemikiran dan metode penyampaian Muhammad Idris Al-Marbawi dan Mustafa Abdul Rahman dalam karya masing-masing. Fokus kajian ini adalah kepada tafsiran surah Yasin kedua-dua tokoh. Melalui pendekatan kajian perpustakaan, penulis berusaha meneliti dua aspek tersebut dalam karya setiap tokoh dan kemudian membanding antara keduanya. Hasil kajian mendapati pemikiran Al-Marbawi bersifat universal dan integral; pentafsiran beliau sarat dengan perbincangan merangkumi dan merentasi pelbagai bidang ilmu dan aspek. Pemikiran Mustafa Abdul Rahman pula lebih bersifat kontradik dengan Al-Marbawi; pentafsiran beliau mendasar dan merangkumi pengetahuan umum berkenaan ayat. Dari segi metodologi penyampaian Al-Marbawi diwarnai dengan

pelbagai pendekatan unik dan susun atur kitab yang sistematik, sementara Mustafa Abdul Rahman menggunakan pendekatan syarahan dengan gaya bahasa yang mudah difahami pembaca.

**Kata kunci:** *tokoh, tafsir, Melayu, pemikiran, penyampaian.*

## Abstract

The Quranic exegesis in Malaysia has always been strongly influenced by Malay religious teachers from various educational institutions and each of them is subscribing to their preferred method of interpretation. The achievement of previous Muslim scholars can be witnessed from the publication of a large number of books on exegesis. This paper analysed the comparison of thoughts and methodology of presentation of Muhammad Idris Al-Marbawi and Mustafa Abdul Rahman found in their works. The focus of study was on the exegesis of surah Yaseen by both scholars. Through text analysis, both aspects were scrutinised and compared in their work. Results found that the ideas of Al-Marbawi were universal and integral in character; his exegesis was full of discussion that covered wide range of aspects and knowledge. Mustafa Abdul Rahman's ideas were contradicting Al-Marbawi's; his exegesis was fundamental in nature and he covered the basic knowledge on the verses. From presentation methodology, Al-Marbawi's was organised in unique approach and systematic arrangement, while Mustafa Abdul Rahman's resorted to easy-to-understand language and discussion approach common to readers.

**Keywords:** *Muslim scholar, exegesis, Malay, thought, presentation.*

## Pendahuluan

Pengajian tafsir di Nusantara adalah kesinambungan pengajian al-Qur'an yang dijalankan pada awal kedatangan Islam. Pengajian al-Qur'an bermula di rumah, surau dan masjid. Ia terus berkembang ke peringkat yang lebih tinggi seperti pondok, sekolah dan institusi pengajian tinggi (Mustaffa, 2009). Aliran pengajian tafsir di Malaysia dibentuk oleh tokoh ulama Melayu yang lahir daripada institusi pendidikan yang pelbagai seperti dari Mesir, Mekah, India, dan Pakistan. Setiap institusi tersebut mempunyai metode pengajian yang tersendiri. Pengajian tafsir di Malaysia secara umumnya dapat dibahagikan kepada tiga bentuk (Mustaffa, 2009);

1. Pengajian di institusi pengajian pondok: Kebiasaannya dipelopori ulama lepasan daripada Mekah dan Madinah. Terdapat juga sebilangan kecil lulusan daripada India membuka pondok. Pengajian al-Qur'an di institusi ini diajar berpandukan kitab-kitab tafsir tertentu.
2. Pengajian di institusi pendidikan formal (sistem persekolahan dan institusi pengajian tinggi): Dipelopori ulama lulusan daripada Mesir dan India. Tafsiran mereka lebih luas dan mendalam serta tidak hanya terikat dengan satu tafsir sahaja.
3. Pengajian institusi pendidikan tidak formal seperti masjid, surau dan madrasah: Dipelopori ulama lulusan daripada India.

Sementara penghasilan kitab-kitab tafsir Melayu bermula daripada kitab tafsir Melayu pertama yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Ra'uf Fanshuri pada abad ke-17. Penghasilan kitab tafsir semakin rancak pada kurun ke-20 dan awal kurun 21 dengan kelahiran pelbagai metode penyampaian dan penulisan. Misalnya pendekatan Tafsir al-Misbah karangan Muhammad Quraisy Shihab yang diterbitkan pada tahun 2002 amat sinonim dengan manhaj kekinian. Tujuan penghasilan kitab-kitab tafsir ini adalah bagi merealisasikan keperluan masyarakat dan juga sebagai satu cara untuk mendekatkan lagi mereka dengan al-Qur'an (Mazlan et. al, 2009).

Rentetan itu, pengkaji tertarik untuk mengkaji aspek pemikiran dan metode penyampaian tokoh tafsir di Malaysia iaitu Al-Marbawi dan Mustafa Abdul Rahman. Pengkaji memberi tumpuan terhadap karya Tafsir Surah Yasin Al-Marbawi dan tafsir surah Yasin Mustafa Abdul Rahman dalam kitab beliau Tafsir al-Qur'an al-Hakim

## Pengenalan Tokoh

### a) Al-Marbawi

Nama penuh beliau ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi al-Azhari. Tarikh kelahiran dan tempat lahir beliau seperti yang dinyatakan dalam Kamus al-Marbawi ialah pada 28 Zulkaedah 1313 Hijrah bersamaan 12 Mei tahun 1896 Masihi di Kampung Masfalah, al-Makkah al-Mukarramah (Faisal, 2007).<sup>1</sup>

Pendidikan Al-Marbawi bermula sejak awal lagi memandangkan keluarganya sentiasa mengambil berat dan memberikan perhatian serius terhadap pelajarannya. Dalam usia yang cukup muda beliau mampu menghafaz enam belas juzuk al-Qur'an<sup>2</sup> di samping beberapa buah kitab yang lain iaitu ketika umurnya 10 tahun (Mazlan et.all, 2009). Beliau sempat belajar selama empat tahun di sekolah itu dan pulang ke tanah air pada tahun 1902 Masihi (Faisal, 2007).

Setelah pulang ke tanah air, Al-Marbawi mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Lubuk Merbau bermula dari usianya 11 tahun sehingga dia lulus darjah lima ketika usianya 15 tahun (Mustaffa, 2009).<sup>3</sup> Kemudian beliau melanjutkan pengajian di pondok Syeikh Wan Muhammad yang terletak di Bukit Candan Kuala Kangsar, Perak selama tiga tahun. Beliau kemudiannya berpindah ke pondok Tuan Hussein Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi di Kedah. Pengembaraan ilmu itu diteruskan ke pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam selama empat tahun. Dia kemudiannya menuntut ilmu di Pondok Tok Kenali, Kelantan (Faisal, 2007). Setelah menamatkan pengajian al-Marbawi bertugas

sebagai guru agama di Perak. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di Universiti al-Azhar. Berkat kesungguhan dan iltizam beliau dalam menuntut ilmu beliau telah mencipta sejarah apabila dia adalah antara yang terawal yang berjaya memperoleh al-Syahadah al-'Aliyyah dari universiti yang terkenal dalam bidang pengajian Islam itu (Mazlan et.all, 2009).

Al-Marbawi telah menghasilkan pelbagai jenis karya sepanjang keterlibatan beliau dalam bidang keilmuan seperti kamus, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadith dan buku-buku berkaitan bidang Fiqh dan Tasawwuf. Karya-karya yang beliau hasilkan melebihi 20 buah karya dan kebanyakan hasil karya beliau diterbitkan oleh Percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi yang merupakan antara syarikat percetakan terbesar di Mesir (Nor Azlida Aziz, 2010).

Al-Marbawi meninggal dunia pada 13 Oktober 1989 jam 8.30 pagi di Hospital Besar Ipoh, Perak ketika berumur 93 tahun mengikut perkiraan kalender Masihi. Sebelum itu, dia telah dimasukkan ke hospital selama 28 hari sebelum meninggal kerana sakit "tidak boleh buang air kecil" (Faisal, 2007).

### b) Mustafa Abdul Rahman

Nama penuh beliau ialah Mustafa bin Abdul Rahman bin Mahmud bin Salleh.<sup>4</sup> Tarikh lahir beliau ialah pada tahun 1918M dan tempat kelahiran beliau adalah Gunung Semanggol Perak (Nurzatil, 2009). Mustafa Abdul Rahman dan adik-adiknya mendapat

<sup>1</sup> Ada pendapat mengatakan tarikh kelahiran beliau ialah pada 1 November 1895 Masihi berdasarkan surat wawancara Dato' Ahmad Shahir untuk Ustaz Abdullah al-Qari bertarikh 18 Jun 1966 pada halaman 1 (Anwar Ridwan, 2007), lihat juga (Nor Azlida Aziz, 2010). Sementara ada pengkaji yang melakukan kesilapan dalam pertukaran tahun iaitu 1313 Hijrah bersamaan 1893 Masihi, sila lihat (Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Mohd Najib Abdul Kadir, 2009).

<sup>2</sup> Ada pandangan yang menyebut bilangan juzuk yang dihafal ialah 10 juzuk, sila rujuk (Mustaffa Abdullah, 2009).

<sup>3</sup> Berdasarkan rentetan sejarah kehidupan beliau, penulis menjadikan tahap ini sebagai piawaian

dalam usaha memurnikan percanggahan-percanggahan yang berlaku seperti yang diterangkan sebelum ini. Berkenaan tarikh beliau lahir tidak begitu menimbulkan polemik iaitu sama ada tahun 1895 atau 1896M, yang menjadi isu adalah tarikh beliau pulang ke tanah air dan umur beliau pada waktu tersebut. Kebarangkalian yang paling hampir ialah beliau berusia 10 tahun ketika pulang ke tanah air memandangkan beliau sempat belajar selama 4 tahun di Masfalah. Tambahan pula umur beliau ketika memasuki sekolah di tanah air ialah 11 tahun. Boleh dikatakan tarikh beliau kembali ke tanah air sekitar tahun 1905 atau 1906M.

<sup>4</sup> Terdapat sedikit perbezaan pada nama beliau, Mustafa ditulis dengan Mustapha (Mazlan, 2009)

pendidikan terus daripada ayah mereka memandangkan ayah mereka merupakan tokoh agama yang hebat dan banyak menghasilkan buku agama (Nurzatil, 2009). Ketika berusia enam tahun beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Semanggol sehingga darjah 5 dan kemudian menyambung pengajiannya di pondok al-Rahmaniyyah milik ayahnya Abdul Rahman Mahmud (Mustaffa, 2009).

Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke Madrasah Idrisiyyah Bukit Chandan Perak. Di madrasah tersebut beliau sempat belajar dengan Tok Guru Haji Abdullah Fahim (Che, 2004). Pada tahun 1934 beliau melanjutkan lagi pengajian di Ma'had Ihya' al-Sharif yang telah ditukar daripada pondok al-Rahmaniyyah pada asalnya dan beliau adalah antara murid pertama di Ma'had pada masa itu (Nurzatil, 2009). Pada akhir pengajian, beliau dapat menguasai bahasa Arab dan pertuturan beliau bahasa Inggeris berada pada tahap yang baik berikutan pembelajaran di Madrasah Idrisiyyah yang memberi penekanan kepada Bahasa Inggeris. Beliau juga mendapat tawaran untuk menyambung pengajian ke Universiti al-Azhar, namun hasrat tersebut terpaksa ditangguh kerana ayahanda tercinta telah meninggal dunia ketika beliau sedang membuat persiapan untuk berangkat (Mustaffa, 2009 & Asmidar, 2003).

Mustafa Abdul Rahman didapati banyak memberi sumbangan dalam dunia dakwah,  
**Pengenalan Kitab Tafsir**

#### a) *Tafsir Yasin Al-Marbawi*

*Tafsir Qur'an Marbawi Surah Yasin* telah ditulis dalam Bahasa Melayu klasik dengan menggunakan tulisan jawi lama. Al-Marbawi dalam penulisan tafsir ini menggunakan pendekatan yang cukup berbeza dengan penulisan *Tafsir Qur'an Al-Marbawi Juzuk Alif Lam Mim*. Tafsir ini merupakan tafsiran lengkap kepada surah *Yasin*. Kandungan kitab ini terdiri daripada himpunan 574 masalah yang berkaitan dengan pelbagai persoalan agama. Al-Marbawi menulis tafsir ini ketika keberadaan beliau di Mesir dan penulisan tafsir ini telah disempurnakan pada 24 Disember

pendidikan dan juga penulisan. Dalam pendidikan dunia, beliau berkhidmat sebagai guru di Ma'had Ihya' al-Syarif bermula tahun 1946-1948. Pada sebelah malam pula dia bergiat aktif menyampaikan dakwah melalui kuliah-kuliah agama di surau dan masjid ketika beliau beraida di Perak dan Pulau Pinang (Mustaffa, 2009). Sementara dalam bidang penulisan, beliau mampu menghasilkan banyak karya walaupun beliau tidak belajar di luar negara dan tidak mempunyai sebarang ijazah (Che, 2004). Beliau mula menulis karya sejak tahun 1985 merangkumi pelbagai cabang ilmu antaranya tafsir, ilmu mantiq, ilmu ekonomi, ilmu psikologi, ilmu akhlak, ilmu tarikh Islam dan lain-lain (Nurzatil, 2009).

Setelah berada lebih kurang 20 tahun di Pulau Pinang, Mustafa Abdul Rahman jatuh sakit. Dikatakan beliau telah terkena santau, menyebabkan beliau kembali ke Perak dan tinggal bersama ibunya. Setelah sebulan beliau berada di rumah ibunya, beliau kembali ke rahmatullah pada petang Isnin 28 Oktober 1968 bersamaan 6 Syaaban 1388 ketika berusia 51 tahun (Nurzatil, 2009). Kematian beliau adalah diakibatkan sakit jantung kerana sedih mengenangkan syarikat penerbitan kitab yang banyak menerbitkan karya-karya beliau telah dijual kepada orang bukan Islam bersama buku-buku yang terdapat di situ Asmidar (2003).

tahun 1966 bersamaan 12 Ramadan tahun 1386H sewaktu berusia 73 tahun (Al-Marbawi, 1964).<sup>5</sup>

Faktor penulisan tafsir ini telah dinyatakan Al-Marbawi dalam *muqaddimah* karya ini. Beliau terkesan ketika mentadabbur kitab tafsir surah *Yasin* karangan ulama yang alim lagi masyhur iaitu Imam Fakh al-Din al-Razi dan juga tafsir al-Qurtubi. Rentetan itu, timbul niat di hati beliau untuk menterjemahkan kedua-dua karya tersebut ke dalam bahasa Melayu dengan aturan cara yang baru.

Usaha itu dilakukan dengan harapan agar masyarakat terutama pangkat bawah dan

<sup>5</sup> Mengikut perkiraan penulis yang dimaksudkan umur 73 tahun oleh Al-Marbawi adalah mengikut kalender Hijrah. Mengikut perkiraan kalendar Masihi pula umur beliau 70 tahun.

pertengahan senang memahami dan mudah untuk mengambil peringatan di samping mengetahui isi dan masalah-masalah berkaitan hukum-hukum syara', perkhabaran, sebab turun ayat-ayat dan lain-lain (Al-Marbawi, 1964). Hasil daripada niat murni dan usaha gigih beliau, akhirnya tafsir ini berjaya disiapkan dan telah diberi nama 'Tafsir Qur'an Marbawi Surah Yasin' yang mengandungi hukum-hakam al-Qur'an dan beratus-ratus masalah.

### b) Tafsir Yasin Mustafa Abdul Rahman

Tafsir Surah Yasin Mustafa Abdul Rahman adalah berbeza dengan Tafsir Surah Yasin Al-Marbawi kerana tafsir ini tidak ditulis secara berasingan. Tafsir Surah Yasin ini merupakan sebahagian daripada tafsir beliau iaitu Tafsir al-Qur'an al-Hakim. Tafsir al-Qur'an al-Hakim ditulis mengikut penggal.<sup>6</sup> Namun karya ini hanya sempat dihasilkan sebanyak 27 penggal memandangkan pengarangnya meninggal dunia.

Berdasarkan naskhah yang dikaji penulis, surah Yasin diletakkan pada awal tafsir penggal ke-23. Jika diikutkan mashaf

### Perbandingan dalam Aspek Pemikiran

Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat empat perkara utama yang dapat diutarakan dalam aspek pemikiran pengarang kedua-dua tafsir tersebut. Penjelasan kepada empat perkara tersebut adalah sebagaimana berikut:

#### 1. Tafsiran Ayat Kawniyyat

'Uthmani surah Yasin bermula pada dua halaman terakhir juzuk ke-22 dan berakhir pada halaman ke-4 juzuk ke-23. Tetapi Mustafa Abdul Rahman meletakkan keseluruhan surah Yasin pada permulaan tafsir penggal ke-23 beliau. Penggunaan bahasa Melayu moden telah diterapkan dalam tafsir ini menjadikan pembaca mudah memahami isi kandungannya.

Faktor utama penulisan kitab tafsir ini ialah minat Mustafa Abdul Rahman yang terlalu mendalam dalam bidang penulisan terutama pentafsiran ayat-ayat suci al-Qur'an. Pengarang ada menyatakan faktor penulisan tafsir ini dalam pendahuluan kitab. Menurut beliau al-Qur'an telah ditafsirkan ke dalam pelbagai bahasa seperti Perancis, Jerman, Itali, Belanda dan sebagainya. Penterjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa yang pelbagai dilakukan agar ilmu dalam al-Qur'an dapat difahami oleh pelbagai bangsa. Namun di Tanah Melayu belum ada tafsir yang ringkas dan mudah untuk difahami oleh masyarakat di Tanah Melayu. Faktor inilah yang mendorong beliau menghasilkan karya ini agar masyarakat dapat memahami Islam dengan sempurna.

Al-Marbawi dilihat telah memberikan tafsiran yang cukup mendalam berkenaan ayat-ayat *al-kawniyyat*. Hal ini adalah terbukti apabila perbahasan tersebut dimuatkan dalam 97 masalah. Perbahasan tersebut boleh dirumuskan seperti jadual di bawah:

Isu	Mula	Akhir	Bilangan Masalah
Ayat 33 - 36 Bumi dan tumbuhan	Masalah 247	Masalah 273	27
Ayat 37 - 40: Cakerawala dan alam semesta	Masalah 274	Masalah 327	54
Ayat 41 - 42: Kapal di lautan	Masalah 328	Masalah 343	16

<sup>6</sup> Secara kasar setiap penggal mewakili satu juzuk al-Qur'an.

Antara tafsiran beliau yang begitu mendalam dapat dilihat melalui penerangan beliau berkenaan matahari dan pergerakannya dalam masalah yang ke-289 sebagaimana berikut:

“Matahari itu ada sejauh-jauh dan sedekat-dekat tempat turunnya pada masa lenyapnya (kata Qurtubi) di dalam tafsirnya – telah berkata Al-Kalbi dan lainnya: berlari matahari itu hingga sejauh-jauh tempat turunnya pada masa lenyapnya. Kemudian kembali ia kepada sedekat-dekat tempat turunnya. Maka tempat tetapnya yakni sampai matahari itu ke tempat yang tiada melampau ia hingga kembali ia daripadanya, semacam manusia melalui perjalanan hingga sampai ia sejauh-jauh maksudnya sampai selesai kerjanya, kemudian kembali ia kepada tempat turunnya yang pertama memulai pula ia daripadanya akan perjalannnya maka sekira sampai matahari itu sejauh-jauh tempat turunnya iaitu tempat tetapnya apabila naik bintang هُنْعَةٌ . Maka itulah sepanjang-panjang hari dalam itu tahun dan malamnya itu sependek-pendek malam, iaitu siangnya lima belas jam dan malamnya sembilan jam. Kemudian makin kurang ia dan kembali matahari itu. Maka apabila naik (terbit) bintang نُرْبِيَّا bersamaanlah panjang siang dan malam iaitu siang dua belas jam, dan malam pun dua belas jam. Kemudian sampai matahari itu kepada tempat turunnya dan terbit bintang اللَّاعِنُ . Maka itulah masa sependek-pendek siang hari dan malamnya lima belas jam (seperti yang berlaku di negeri Mesir) فَرَعَ الدَّلْوُ الْمُؤْخِرُ hingga apakala terbit bintang bersamalah panjang malamnya dan siangnya, kemudian berkurangan malam daripada siang tiap-tiap hari sepuluh satu pertiga jam (10 1/3 jam) dan tiap-tiap sepuluh hari seperti jam (1/3 jam) dan tiap-tiap bulan berkurangan satu jam genap. Hingga bersamaan panjang siang dan malam. Maka berkurangan pula malam, hingga sampai ia lima belas jam, dan mengambil siang hari daripada malam seperti demikian itu (Al-Marbawi, 1964).”

Untuk memberikan gambaran yang jelas berkaitan cakerawala dan semesta, Al-Marbawi menggunakan metode perbandingan atau perumpamaan, hal ini kerana pemahaman

setiap pembaca berbeza-beza. Perbandingan tersebut dapat dilihat dalam tafsiran beliau di bawah ini:

“[300] Masalah: Matahari itu diberi sedikit keterangannya (kata Qazwayni) di dalam kitabnya: Matahari itu satu bintang yang sehabis-habis besar bintang pada jirimnya (dirinya) dan yang sehabis-habis kuat cahayanya. Tempatnya yang secara tabiat bulatan (kurrah) yang keempat. Maka ialah di antara segala bintang seperti rajanya, dan sekalian bintang sebagai teman-teman dan tenteranya. Maka bulan itu sebagai menteri dan raja mudanya, dan bintang Utarid seperti juru tulisnya, dan Marikh seperti kepala tenteranya, dan Musytari seperti hakim dan qadhi baginya, dan bintang Zuhal seperti bendaharinya, dan bintang Zuhrah seperti kundang dan jariahnya, dan segala cakerawala (أَفْلَاكٌ) sebagai jajahan baginya, dan gugusan-gugusan bintang (buruj) itu seperti negeri-negeri baginya, dan watas-watas dan pihak-pihak sebagai bandar-bandarnya. Maka inilah bandingannya yang elok. –selesai– ‘Ajaib al-Makhlukhat. (Al-Marbawi, 1964)”

Al-Marbawi tidak mengupas ayat-ayat tersebut dalam kerangka ilmu sains sahaja, malah turut menyentuh persoalan akidah di samping menolak *i’tiqad* golongan yang menyeleweng. Sebagai contoh Al-Marbawi menolak pandangan golongan ahli falsafah yang mengatakan malam itu *qadim*:

“[278] Masalah: Malam itu pada iktikad orang-orang *falsafah* iaitu bersifat *qadim* yakni alam ini tidak didahului oleh tidak ada yakni selama-lamanya bersifat ada. Kerana jika alam ini didahului oleh tak ada nescaya tidak *tahqiq* tidak ada melainkan dengan masa, dan jadi masa dahulu daripada alam, pada halnya masa itu jumlah daripada alam. Maka lazimlah ketika itu ada suatu itu pada waktu tak adanya maka iaitu mustahil (jawab ahli sunnah) sungguhnya telah muafakat sekalian kamu dengan kami atas alam itu tempat, dan segala tempat itu berpenghabis, kalau begitu, di atas dataran yang di atas sekali daripada alam tak ada tempat, pada hal dia disifatkan dengan atas.

Maka atas dan bawah itu tiada *tahqiq* ia melainkan tempat. Kalau begitu sebelah atas alam itu tempat, dan tempat itu daripada alam maka lazim ada suatu pada waktu tak ada (kata falasifah) sebelah atas dataran yang di atas sekali itu tiada kosong dan tiada penuh (jawabnya) begitu juga, sebelum ada alam masa itu tidak ada (Al-Marbawi, 1964)."

Berbeza dengan Al-Marbawi, Mustafa Abdul Rahman lebih santai dalam mempersempit tafsiran ayat-ayat *al-kawniyyat* tersebut. Maklumat saintifik yang dikemukakan beliau bersifat umum dan sesuai untuk bacaan orang awam. Beliau telah meletakkan pentafsiran tersebut bermula ayat ke-33 hingga ayat ke-44 sebagai menyatakan kekuasaan Allah s.w.t yang mutlak:

"Seterusnya pada ayat 33, dan berikutnya, Allah menyatakan kekuasaan-Nya yang mutlak iaitu:

Dan satu tanda bagi mereka yang menunjuk dan membuktikan atas kekuasaan Kami untuk membangkitkan orang-orang yang mati ialah bumi yang mati yang tidak ada apa-apa tumbuhan, kemudian Kami hidupkan bumi itu dengan air hujan yang Kami turunkan atasnya, maka Kami tumbuhkan tanaman padanya dengan suburnya dengan bermacam-macam jenisnya, dan Kami keluarkan daripadanya bijian-bijian yang kamu dapat makan untuk menjaga dan menguatkan badan kamu (Mustafa, 1961)."

Selain itu, wujud persamaan antara maklumat saintifik Al-Marbawi dan Mustafa Abdul Rahman seperti fakta mengenai pergerakan bulan dan matahari. Hal ini mungkin kerana kedua-dua mereka merujuk kitab tafsir yang sama sebagai rujukan, cuma Al-Marbawi turut merujuk kitab-kitab lain seperti 'Ajaib al-Makhlukhat' dan 'Umdah al-Qari Syarah bagi Sahih al-Bukhari.'

## 2. Penggunaan Logik Akal

Penulis mendapati penggunaan logik akal begitu ketara dalam pentafsiran Al-Marbawi. Hal ini adalah bertepatan dengan hasrat Al-Marbawi untuk menggunakan hujah dan dalil *qiyas* menggunakan ilmu *mantiq* sebagaimana Imam Fakhr al-Din al-Razi yang menjadi idola

beliau. Perkara ini dinyatakan melalui kata-kata beliau pada masalah ke-22 iaitu:

"Enak pada akal bila datang hujah dan dalil qiasnya secara ilmu *mantiq* yang selalu Imam Fakhr al-Din al-Razi mendatangkan hujah dan dalil segala masalah yang penting di dalam tafsirnya. Maka saya dengan izin Allah bolehlah kiranya mempermelayukan apa hujah dan dalilnya yang dibawanya (Al-Marbawi, 1964)."

Ini secara tidak langsung menunjukkan Al-Marbawi lebih cenderung untuk menggunakan metode falsafah dalam berhujah. Penghujahan beliau menggunakan logik akal boleh dilihat dalam firman Allah s.w.t:

وَإِنْ تَشَاءُ نُعْرِفُهُمْ فَلَا صَرِيحَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنْقَدُونَ  
(٤٣)

Maksud:

*"Dan jika Kami kehendaki, Kami boleh tenggelamkan mereka; (kiranya Kami lakukan yang demikian) maka tidak ada yang dapat memberi pertolongan kepada mereka, dan mereka juga tidak dapat diselamatkan"* [Surah Yasin (36): Ayat 43]

"[345] Masalah: Bahtera itu menanggung dengan kemahuan tabiat, dan yang berongga tiada tenggelam ia, demikianlah kata orang ahli tabiat, maka dibantahi orang akan iktikad yang demikian itu, kerana tidak betul. Maka jikalau dibetulkannya akan perkataan yang hodoh itu nescaya dijawab dengan kata: Tidakkah engkau mahu setuju fikiran, bukankah ada setengah daripada perahu dan bahtera itu terbalik dan pecah ia, dan setengahnya terlubang oleh apa yang melubangi maka karam ia. Maka semua itu dengan kehendak Allah Ta'ala, kerana jika dikehendaki Tuhan tenggelamnya nescaya tenggelam ia dengan tidak apa suatu sebab. Sebagaimana iktikad ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, atau pun tenggelam dengan apa suatu daripada segala sebab sebagaimana boleh menerima pada akal engkau (Al-Marbawi, 1964)."

Perbahasan logik akal yang diketengahkan Al-Marbawi ada kalanya terlalu mendalam dan sukar difahami masyarakat awam, melainkan pembaca mempunyai asas dalam ilmu logik atau *mantiq*. Beliau juga menolak pandangan

ahli falsafah dan ahli tabiat yang menyeleweng seperti contoh di atas.

Sementara Mustafa Abdul Rahman pula lebih cenderung untuk meringankan pentafsiran beliau tanpa menggunakan logik akal. Pentafsiran beliau adalah bersifat mendasar dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat tidak kira peringkat umur dan tahap pendidikan. Beliau telah berjaya merealisasikan hasrat beliau untuk menghasilkan kitab tafsir yang ringkas dan mudah untuk difahami oleh masyarakat di Tanah Melayu memandangkan belum ada karya yang memenuhi cita rasa masyarakat.

### 3. Perbahasan Ilmu Kalam

Antara keistimewaan tafsir Al-Marbawi ialah beliau memuatkan perbahasan ilmu kalam dalam pentafsiran. Beliau telah menyatakan permasalahan yang menjadi perselisihan antara kumpulan ahli kalam seperti *Mushabbihah*<sup>7</sup>, *Mu'tazilah*<sup>8</sup>, dan *al-Karramiah*<sup>9</sup>. Di samping itu beliau telah berusaha mempertahankan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* daripada serangan-serangan kumpulan yang menyeleweng tersebut.

Usaha beliau ini dapat dilihat dalam perbahasan beliau tentang sifat-sifat Allah s.w.t, antara contoh perbahasan tersebut ialah:

#### Contoh 1:

“[279] Masalah: Iktiqad orang puak *mushabbihah*, katanya: tiada diterima akal ada sesuatu dengan tidak bertempat. Kalau begitu, pasti Allah Ta‘ala itu ada tempat. (jawab Ahli al-Sunnah) lazim sekalian kamu hai orang-orang puak *mushabbihah* berkata. Allah Ta‘ala itu masa, kerana perasaan sekalian kamu yang berkata: tiada diterima akal-yang maujud itu tiada bertempat-berkata pula perasaan kamu itu tiada diterima akal akan yang maujud tiada bermasa. Maka sekalian masa itu baharu. Dan telah muafakat kita akan Allah Ta‘ala itu

*Qadim*, tiada Ia baharu. Kalau begitu, Tuhan itu tiada Ia bertempat dan tiada Ia bermasa (Al-Marbawi, 1964).”

#### Contoh 2:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ  
لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

#### Maksud:

“Sesungguhnya keadaan kekuasaannya apabila ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: “ Jadilah engkau! ” . maka ia terus menjadi.” [Surah Yasin (36): Ayat 82]

“[560] Masalah: Bandingan sifat iradat (kata Imam Fakhr al-Razi) di dalam tafsirnya: kami datangkan satu misal bagi dapat faham yang senang, supaya hilang apa-apa yang memberi kesamaran yang keji maka kami kata: perkataan kita-si fulan itu penjahat-dikehendaki dengan dia ada baginya sifat menjahat. Maka jikalau tiada sah daripada kita berkata ianya-telah menjahit kain si tua-atau kita kata-lagi akan menjahit kain si tua-tentulah tiada lazim daripadanya nafikan sah perkataan kita ia (penjahat) dengan makna ada baginya sifat itu dengan dia, dikatakan atasnya pada waktu menggunakan akan itu sifat pada kain si tua pada masa yang lalu telah menjahit ia akan kainnya. Atau dengan sifat itu dikatakan atasnya pada waktu menggunakan akan itu sifat pada kain si tua pada masa akan datang-lagi akan menjahit ia-dan bagi Tuhan itu ada umpamaan yang amat tinggi, maka fahamlah baik-baik: bahwasanya iradat itu perkara yang tetap. Jika sudah *متعلقة* dengan mengadakan suatu, kita katakan ( اراد وجوده ) ertiinya: telah menghendaki Ia akan adanya. Atau kita kata ( وُجُودَةٌ بُرِيدٌ ) ertiinya: lagi akan menghendaki Ia akan adanya.

Maka apabila sudah engkau mengerti dan mengetahui akan keterangan ini maka ialah pada makna daripada kalam ahli al-sunnah;

<sup>7</sup> Satu aliran yang memahami nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith mengikut zahirnya seperti menyamakan sifat-sifat Tuhan dengan sifat-sifat makhluk (Alwi, 2007).

<sup>8</sup> Satu fahaman dipelopori Wasil Bin 'Ata', yang berpendirian bahawa persoalan akal adalah isu yang paling asas dan mekanisme terpenting dalam penetapan akidah Muslim. Jika terdapat

pertentangan antara 'aqli dan naqli, maka dalil 'aqli akan diutamakan (Wahab & Azmi, 2013).

<sup>9</sup> Dipelopori oleh Muhammad Ibn Karram, merupakan salah satu kelompok daripada Murjiah dan tergolong dalam kalangan mereka yang mentajsimkan Allah SWT dan mentashbihkanNya dgn makhluk (Idris, 2012).

iradat itu baharu, dan sifat iradat Allah itu qadim. Dan keluar segala barang yang disebut oleh Muktazilah dan ahli *falsafah* itu daripada kalam ahli al-sunnah (Al-Marbawi, 1964)."

Berbeza pula dengan Mustafa Abdul Rahman, beliau hanya menjelaskan hal berkaitan ilmu kalam secara umum tanpa membawa sebarang perselisihan kumpulan ahli kalam. Malah penulis tidak mendapati beliau menyebut sebarang nama kumpulan ahli kalam sekalipun *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dalam perkara berkenaan sifat *iradat* Allah s.w.t contohnya, Al-Marbawi memberikan penerangan panjang lebar tetapi Mustafa Abdul Rahman hanya memberikan penjelasan seperti berikut:

"Kekuasaan Allah adalah gagah, tidak ada sebarang halangan, apa-apa yang Ia mahu, jadi belaka, dan apabila Ia menghendaki menjadikan sesuatu, perintah-Nya sahaja yang berlaku, iaitu, Ia berkata kepada suatu yang dikehendaki itu, jadilah, maka jadi ia, demikian tamsil, dan perbandingan pengaruh kudrat-Nya untuk menjadikan suatu, dan suatu itu menurut kudrat-Nya, dan jadi mengikut perintah-Nya, dengan tidak menunggu dan berlengah-lengah lagi (Mustafa, 1961)."

#### 4. Perbahasan Perkara *al-Sam'iyyat*

Kandungan surah *Yasin* ada menyentuh beberapa perkara *al-Sam'iyyat* seperti kewujudan syaitan dan hari kebangkitan. Penulis memfokuskan dua perkara tersebut dalam pentafsiran kedua-dua tokoh tersebut sebagai penilaian.

Al-Marbawi telah memberikan penerangan panjang lebar dalam pentafsiran beliau tentang syaitan dan ciri-cirinya iaitu bermula masalah 440 hingga masalah 465 pada firman Allah s.w.t:

أَلَمْ أَغْهِدْ إِلَيْكُمْ يَا بْنِي آدَمَ أَن لَا تَعْذِبُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ  
لَكُمْ عَذْوٌ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾

Maksud:

"Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu!" [Surah Yasin (36): Ayat 60]

Antara tafsiran beliau berkenaan syaitan ialah:

"[454] Masalah: Syaitan dan jin sungguhkah ada atau tidak ada? (kata Imam Fakhr al-Razi) rahimahullah Ta'ala: telah bersalah-salah manusia pada wujud (ada) syaitan dan jin itu. Maka setengah orang tidak mahu mengaku ada syaitan dan jin itu. Dan yang telah muafaqah semua orang mengatakan ada syaitan dan jin itu, bukannya ibarat batang tubuh kasar, boleh kita nampak ia pergi datang seperti manusia dan binatang, bahkan perkataan yang berhasil padanya dua perkataan [pertamanya] ialah bahagian macam angin, boleh ia berupa dengan macam-macam rupa, ada baginya akal dan faham, dan berkuasa membuat segala pekerjaan yang susah payah. [qaul yang kedua] kebanyakan orang menyungguhkan ada, tetapi tiada ia mengambil lapang dan tiada halnya pada yang mengambil lapang, dan berkata mereka itu ada dengan tidak berbatang tubuh."

Maka ketahuilah kiranya di atas dua qaul (perkataan) itu inilah yang dikata orang (الأرواح) terkadang ada ia hening jernih berkemuliaan lagi baik berbahagia, maka ialah yang dinamakan orang yang soleh daripada jin. Dan terkadang ia keruh tidak hening rendah hina lata jahat lagi celaka, maka ialah yang dinamakan orang akan dia syaitan (Al-Marbawi, 1964)."

Dalam soal hari kebangkitan Al-Marbawi turut menjelaskan keadaan hari tersebut dengan terperinci. Beliau menyebutkan perbincangan berkenaan tiupan sangkakala, keadaan manusia sebelum kiamat dan selepas dibangkitkan. Antara petikan tafsir beliau terhadap firman Allah s.w.t:

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْذَاثِ إِلَى رَبِّهِمْ  
يَتَسِلُّونَ ﴿٥١﴾

Maksud:

"Dan sudah tentu akan ditiupkan sangkakala (menghidupkan orang-orang yang telah mati; apabila berlaku yang demikian) maka semuanya segera bangkit keluar dari kubur masing-masing (untuk) mengadap Tuhan mereka." [Surah Yasin (36): Ayat 51]

"[400] Masalah: Tiup sangkakala yang kedua iaitu firman Allah Ta'ala (الصُّور وَنُفِخَ فِي الصُّور) dan ditiup oleh malaikat Israfil pada sangkakala (kata Qurtubi) ini tiup kali yang kedua kerana membangkitkan yang berjiwa

dari kuburnya hidup semula. Dan sungguhnya telah Aku terangkan di dalam surah Al-Naml akan tiup sangkakala itu dua kali sahaja, tidak tiga kali, inilah ayat dalil yang menunjukkan atas yang demikian. Dan diriwayatakan daripada Al-Mubarok bin Fudhalah daripada al-Hasan katanya: telah bersabda Rasulullah s.a.w.: antara dua tiup itu empat puluh tahun tiup yang pertama memati Allah Ta'aladengan dia akan sekalian yang hidup. Dan tiup yang kedua menghidup Allah dengan dia akan sekalian yang mati. Dan kata Qatadah: tiup pada sangkakala itu bagi segala jiwa (Al-Marbawi, 1964)."

Sementara Mustafa Abdul Rahman pula tidak memperincikan perbincangan perkara *al-Sam'iyyat* sebagaimana Al-Marbawi. Sebagai contoh beliau tidak menjelaskan dengan mendalam penciptaan syaitan, bahkan sekadar mengingatkan bahaya pujuk rayu dan bisikannya sebagaimana tafsiran beliau di bawah:

".....dan dilarang kamu jangan menyembah syaitan, iaitu, jangan mentaatinya dengan menurut bisikannya yang mengajak kamu menentang Aku dan menyalahi perintah Aku, kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu sejak dari bapa kamu Adam sampai ke waktu ini.

Kamu dilarang menyembah dan menuruti syaitan, kenapa kamu menyembah dengan menuruti kehendak padahal dialah musuh kamu yang terang yang mengajak kamu lupa kepada Allah dan kepada agamanya, lupa kepada kewajipan diri, kamu hanya asyik dengan kehidupan yang sia-sia, kamu tak sedar dari mana, di mana, dan akan ke mana kamu akan pergi, kamu hidup sebagai makhluk yang tak berakal, padahal kamu manusia yang diberikan akal (Mustafa, 1961)."

Beliau turut tidak memberikan gambaran yang jelas berkenaan sangkakala dan keadaan manusia ketika dibangkitkan. Tafsiran beliau adalah sebagaimana berikut:

"Mereka lenyap dan terus hilang akibat pekikan dan tiupan sangkakala yang pertama itu, tetapi mereka akan bangkit dan hidup kembali pada tiupan yang kedua, iaitu waktu ditiupkan sangkakala tiupan kali yang kedua

sebagai tanda bangkit dari kubur, dan keluar daripadanya. Maka pada waktu itu, mereka semuanya datang bersegera kepada Tuhan mereka dari kubur mereka (Mustafa, 1961)."

Perbandingan kedua-dua tokoh dalam aspek pemikiran memperlihatkan Al-Marbawi mempunyai gagasan pemikiran bersifat universal dan integral serta ilmu pengetahuan beliau yang mendalam. Beliau memberikan kupasan yang tuntas dan terperinci dalam pentafsiran ayat merangkumi pelbagai bidang ilmu dan acapkali perbahasan sesuatu bidang merentasi bidang yang lain. Beliau turut cakna dalam perselisihan yang terdapat dalam ahli Kalam dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Malah beliau juga menggunakan pelbagai pendekatan seperti susun atur kitab berdasarkan masalah, membuat perbandingan dan perumpamaan, serta menggunakan logik akal dalam usaha memberikan kefahaman kepada pembaca.

Mustafa Abdul Rahman pula mempunyai gagasan pemikiran yang kontradik dengan Al-Marbawi. Beliau memberi tumpuan kepada kedudukan masyarakat Melayu pada waktu tersebut yang boleh dikatakan baru berjinakin-jinak dengan Islam. Kupasan beliau juga lebih ringkas dan mendasar dalam setiap bidang. Pengetahuan umum berkenaan ayat tafsiran dikemukakan dalam bentuk penyampaian yang mudah difahami dan pendekatan yang digunakan dalam penulisan ialah berbentuk tafsiran ijmal.

Perbezaan yang wujud dalam aspek pemikiran kedua-dua tokoh dilihat amat berkait rapat dengan golongan sasaran karya tersebut dihasilkan. Al-Marbawi mensasarkan golongan bawah dan pertengahan, walaupun penulis berpendapat karya beliau lebih sesuai untuk golongan pertengahan dan atasan kerana perbincangan yang sarat dengan pelbagai bidang ilmu sementelah pendekatan logik akal juga digunakan yang terlalu mendalam dan sukar difahami. Manakala Mustafa Abdul Rahman pula mensasarkan tafsir yang ringkas dan mudah difahami masyarakat. Beliau dilihat berjaya dalam memenuhi hasrat tersebut dengan kupasan yang bersifat mendatar dan penerangan yang jelas.

## Perbandingan dalam Metode Penyampaian

Setiap *mufassir* mempunyai metode penyampaian yang tersendiri dalam pentafsiran masing-masing. Pendekatan tersebut adalah dengan mengambil kira lapisan masyarakat yang menjadi sasaran *mufassir*. Pengkaji cuba melihat metode penyampaian yang diaplikasikan oleh Al-Marbawi dan Mustafa Abdul Rahman dalam karya mereka.

Hasil penelitian mendapati kedua-dua tokoh ini mempunyai gaya penyampaian tersendiri dalam beberapa aspek, antaranya:

### 1. Perbahasan dan Khilaf Ulama

Al-Marbawi dalam aspek ini dilihat mempersempahkan kepada para pembaca maklumat yang terperinci. Perkara ini membolehkan pembaca mengetahui sesuatu topik perbahasan dengan lebih meluas. Sebagai contoh dalam perbahasan makna *Yasin* Al-Marbawi menyebutkan lima pendapat

“[70] Masalah: *Yasin* itu apakah maknanya? (jawab) Pada lafaz *Yasin* itu ada lima *qaul* [Pertama] Telah berkata setengah daripada *mufassirin*: *Yasin* yakni hai manusia. Maka adat orang Arab bahwasanya mereka itu mengambil daripada tiap-tiap satu kalimah itu satu huruf, kemudian ditutur oleh mereka itu dengan dia dan diambil mereka itu daripada huruf ‘ya’ seruan akan ‘ya’ pada *Yasin* itu. Dan insan itu, daripada huruf sin pada *Yasin*, kemudian disusun oleh mereka itu akan keduanya maka jadilah *Yasin* maka dikehendaki daripadanya: Hai Muhammad ‘alaihi al-salam [Keduanya] Berkata setengah *mufassirin*, dikehendaki daripadanya: Hai penghulu sekalian rasul [Ketiganya] Berkata setengah *mufassirin*: *Yasin* itu nama daripada beberapa nama Qur'an [Keempatnya] Berkata setengah *mufassirin*: *Yasin* itu nama daripada beberapa nama Allah Ta'ala [Kelimanya] Berkata setengah *mufassirin*: *Yasin* itu nama bagi surah ini. –selesai- Hamami. (Al-Marbawi, 1964)”

Sementara pendekatan yang digunakan Mustafa Abdul Rahman ialah beliau tidak memanjangkan perbincangan sesuatu topik. Beliau cenderung untuk memilih apa yang lebih tepat dan perlu untuk meringankan kitab tafsir beliau. Sebagai contoh beliau hanya

memetik pandangan Ibnu Abbas dalam menerangkan makna *Yasin*:

“Pada awal ayatnya Allah mengatakan *Yassin*, menurut Ibnu Abbas *Yassin*, itu ertiinya. Hai manusia! (Mustafa, 1961)”

Contoh yang lain dapat dilihat dalam isu pesuruh-pesuruh Nabi Isa yang telah diutuskan kepada kaum *Antakiyyah* di mana Al-Marbawi membawakan beberapa pendapat. Beliau kemudiannya memilih pendapat yang masyhur dalam kalangan *mufassir*. Tafsiran beliau adalah seperti berikut:

“[149] Masalah: Pesuruh-pesuruh Nabi Allah Isa yang telah diutusnya pergi ke dusun Antakiah ada tersebut di dalam tafsir-tafsir karangan ulama yang besar lain daripada Yuhana dan Pauls (jawab) sungguhnya tersebut di dalam tafsir Tabari telah diutus Allah Ta'ala ke dusun itu tiga iaitu Sadiq, Suduq dan Syalum yang ketiga, ini *qaul* al-Tabari. Dan kata orang lainnya. Syam'un dan Yuhana. Dan telah dihikayatkan oleh al-Nuqash. Sam'an dan Yahya dan tiada menyebut keduanya akan Sadiq dan tiada Suduq. Maka disebutkan di dalam tafsir Marbawi ini akan Yuhana dan Pauls ialah menurut sebagaimana yang masyhur di dalam kebanyakkan tafsir (Al-Marbawi, 1964).”

Berbeza pula dengan Mustafa Abdul Rahman yang hanya menyebutkan nama pesuruh-pesuruh tersebut tanpa menyebut khilaf. Berkemungkinan beliau merasakan penghayatan dan pengajaran daripada kisah tersebut lebih penting berbanding nama-nama tersebut. Beliau sekadar menyatakan sedemikian:

“Bilangan utusan itu dua orang dan tambah seorang jadi tiga orang semuanya, mereka ialah Yuhana, Paulus dan Syam'un. (Mustafa, 1961)”

### 2. Penceritaan Kisah

Kisah yang terdapat dalam surah *Yasin* adalah kisah pesuruh-pesuruh Nabi Isa a.s dan kaum *Antakiyyah* yang ingkar. Al-Marbawi banyak menekankan metode penceritaan dalam pentafsiran, hal ini dapat dibuktikan apabila beliau turut memuatkan beberapa kisah lain

dalam karya beliau. Kisah ini menjadi nilai pengkaji kerana Mustafa Abdul Rahman hanya menceritakan kisah tersebut dalam tafsir surah *Yasin* beliau.

Pendekatan Al-Marbawi dalam penceritaan kisah ialah perincian terhadap kisah tersebut. Segenap inci kisah tersebut diceritakan dengan rapi seolah-olah pembaca berada dalam situasi pada waktu tersebut. Antara maklumat yang dinyatakan Al-Marbawi ialah lokasi Antakiah, nama-nama pesuruh Nabi Isa a.s, rentetan usaha dakwah mereka, penentangan terhadap mereka dan pemusnahan kaum Antakiah. Antara contoh tafsiran beliau yang dapat pengkaji bawakan berkenaan lokasi Antakiah:

“[141] Masalah: Antakiah itu di mana ia? (jawab) tersebut dalam *Hasyiah Al-Jumal ‘ala al-Jalalayn*. Antakiah itu satu ibu negeri di benua Rome, dikelilingi dengan satu kota yang besar daripada batu-batu besar, di dalam negeri ini ada lima gunung, kira-kira sekelilingnya dua belas mile.-selesai-. Dan tersebut di dalam tafsir Qurtubi. Bermula *qaryah* yang dikehendaki di dalam ayat 13 surah *Yasin* itu ialah Antakiah, pada *qaul* sekalian ulama tafsir. Seperti barang yang disebutkan dia oleh al-Mawardi. Telah dibangsanak dia kepada ahli Antheis, ialah nama orang yang mendirikannya. Kemudian diubahkan kerana dibahasakan kepada Arab. Telah menyebutkan dia oleh al-Suhaili. Dan dikatakan orang akan dia dengan nama (( Antakiah )) dengan tak ganti طاء . Dan adalah di dalamnya Firaun, dipanggil orang akan dia *Antiqsy*. Ibnu *Antiqsy* menyembah ia akan berhala. Telah menyebutkan dia oleh Al-Mahdawi. Dan menghikayatkan dia oleh Abu Ja’far an-Nuhas daripada Ka ‘ab dan Wahab. Dan boleh kita kembali lihat sedikit tarikh Antakiah itu di dalam kitab Dairah al-Ma ‘arif karangan Butrus al-Bustani, ialah lain daripada negeri Antakiah yang ada sekarang di dalam Syria (Al-Marbawi, 1964).”

Mustafa Abdul Rahman pula mengambil pendekatan meringkaskan penceritaan kisah tersebut dan tidak menyatakan khilaf ulama berkenaan. Beliau dilihat sekadar menambah sedikit sahaja daripada cerita asal sebagaimana terdapat dalam ayat-ayat surah *Yasin*.

### 3. Penerangan ayat yang bersifat umum

Dalam surah *Yasin* terdapat ayat yang berbentuk umum. Ayat tersebut menyatakan Allah s.w.t berkuasa mengubah jasmani kaum yang ingkar tanpa penerangan tentang bentuk pengubahan tersebut, firman Allah s.w.t:

وَلَوْ نَشَاء لَمْسَخْنَاهُمْ عَلَىٰ مَكَانِتِهِمْ فَمَا اسْتُطَاعُوا  
مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾

Maksud:

“(kekuatan akal fikiran mereka juga tidak sihat) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa mangubahkan keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku) di tempat yang mereka berada padanya; maka dengan itu, mereka tidak dapat mara ke hadapan dan juga tidak dapat undur ke belakang.” [Surah Yasin (36): Ayat 67]

Al-Marbawi dan Mustafa Abdul Rahman mengambil pendekatan yang sama iaitu menerangkan ayat yang umum tersebut. Malah penerangan kedua-dua tokoh tersebut juga adalah sama. Berkemungkinan mereka merujuk kitab tafsir yang sama iaitu Tafsir al-Jalalayn. Contoh tafsiran mereka ialah:

#### **Al-Marbawi:**

“[490] Masalah: Jadi beruk dan babi atau batu, itulah takwil yang tersebut di dalam tafsir Al-Jalalayn pada firman Allah Ta’ala (ولو نشاء ) (مسخهم على مكانتهم فما استطاعوا مضيا ولا يرجعون ertinya: Dan jikalau Kami kehendaki ubahkan rupa beruk atau babi atau batu nescaya Kami jadikan mereka itu di atas tempat mereka itu, maka tiada kuasa mereka itu pergi dan tiada kembali mereka itu, yakni jikalau Kami kehendaki jadikan mereka itu pada tempatnya akan beruk dan babi atau batu, pada halnya mereka itu di dalam rumahnya nescaya jadilah mereka itu demikian maka tiada kuasa mereka itu pergi dan datang, tetapi tiada Kami jadikan demikian, maka kerana apa tiada syukurkan Tuhan atas ini nikmat (Al-Marbawi, 1964).”

#### **Mustafa Abdul Rahman:**

“Selain ini, Kami pun berkuasa mengubah, menukar rupa mereka yang kufur dan derhaka itu kepada rupa yang lebih buruk, Kami ubah rupa mereka itu menjadi kera, babi dan batu di tempat mereka itu sendiri, maka pada waktu itu mereka tidak lagi berdaya-upaya bergerak dan

berjalan, datang ke sana dan balik ke sini sebagaimana biasa. (Mustafa, 1961)”

#### 4. Metode Perumpamaan

Metode perumpamaan atau perbandingan ini telah diguna pakai oleh Al-Marbawi untuk memberi kefahaman kepada para pembaca dalam hal yang sukar difahami terutama yang menyentuh tentang sifat Allah s.w.t. Antara perumpamaan yang diberikan beliau adalah berkaitan sifat iradat Allah s.w.t sebagaimana berikut:

[560] Masalah: Bandingan sifat iradat (kata Imam Fakhr al-Razi) di dalam tafsirnya: kami datangkan satu misal bagi dapat faham yang senang, supaya hilang apa-apa yang memberi kesamaran yang keji maka kami kata: perkataan kita-si fulan itu penjahat-dikehendaki dengan dia ada baginya sifat menjahat. Maka jika lau tiada sah daripada kita berkata ianya-telah menjahit kain si tua-atau kita kata-lagi akan menjahit kain si tua-tentulah tiada lazim daripadanya nafikan sah perkataan kita ia (penjahit) dengan makna ada baginya sifat itu dengan dia, dikatakan atasnya pada waktu menggunakan akan itu sifat pada kain si tua pada masa yang lalu telah menjahit ia akan kainnya. Atau dengan sifat itu dikatakan atasnya pada waktu menggunakan akan itu sifat pada kain si tua pada masa akan datang-lagi akan menjahit ia-dan bagi Tuhan itu ada umpamaan yang amat tinggi, maka fahamlah baik-baik: bahwasanya iradat itu perkara yang tetap. Jika sudah تعلوق ia dengan mengadakan suatu, kita katakan (اراد وجوده) ertiinya: telah menghendaki ia akan adanya. Atau kita kata (وْجُودَةُ يُرِيدُ) ertiinya: lagi akan menghendaki ia akan adanya.

Maka apabila sudah engkau mengerti dan mengetahui akan keterangan ini maka ialah pada makna daripada kalam ahli al-sunnah ; تعلوق iradat itu baharu, dan sifat iradat Allah itu qadim. Dan keluar segala barang yang disebut oleh Muktazilah dan ahli *falsafah* itu daripada kalam ahli al-sunnah (Al-Marbawi, 1964).

Mustafa Abdul Rahman pula dilihat tidak menggunakan metode perumpamaan dalam pentafsiran beliau. Hal ini kerana pentafsiran beliau bersifat ringan dan tidak menyentuh perkara yang memerlukan penerangan yang mendalam.

#### 5. Penerangan Hikmah

Keistimewaan lain Al-Marbawi ialah beliau menerangkan hikmah di sebalik sesuatu peristiwa atau perkara. Penerangan hikmah ini secara tidak langsung akan menarik perhatian pembaca untuk memikirkan kebesaran Allah s.w.t dan mengambil pengajaran daripada perkara-perkara tersebut.

Hasil pemerhatian pengkaji terdapat 4 hikmah yang disebutkan oleh Al-Marbawi, senarai tersebut seperti berikut:

##### i. Nabi sebagai anak yatim:

“[87] Masalah: Ayahanda Nabi Muhammad mati padahal ia yatim dalam perut ibunya adakah hikmahnya? (jawab) Sebagai tersebut di dalam kisahnya ada hikmahnya iaitu, apakala telah mati ayahanda Nabi Muhammad maka berkata malaikat: Ya Tuhan kami, ini ayahanda bagi Nabi Muhammad a.s, engkau katakan haknya: Jikalau bukan kerana engkau hai kekasihku tidak aku jadikan segala pelik, maka kerana apa engkau jadikan Nabi Muhammad itu yatim di dalam perut ibunya? Firman Allah Ta’ala: Jangan berduka cita sekalian kamu pada kematian ayahanda kekasih-Ku, kerana ada padanya beberapa rahsia dan hikmah yang tersembunyi. Maka rahsianya itu bahwasanya bapak itu mengajar dan mengasuh dan memelihara anaknya. Dan Aku yang hendak mengajar dan mengasuh dan memelihara kekasih-Ku, tiada Aku beri orang lain daripada Aku mengasuhnya dan mengajarnya, dan anak itu bila memanggil ia panggilnya ayahnya dan kekasih-Ku tiada memanggil ia melainkan akan Daku, dengan katanya: Ya Tuhanku. Itulah hikmah Tuhan jadikan Nabi Muhammad itu yatim dalam perut ibunya. –selesai- Hamisy Tafsir Hamami Zadah (Al-Marbawi, 1964).”

##### ii. Pemberian peringatan walaupun kekal kufur

“[100] Masalah: Tiada beriman orang-orang kafir sama ada diberi takut (diberi inzar) diberi ugut, atau tidak diberi takut. Maka mengapa Tuhan suruh beri takut (beri inzar) dan beri ingat akan orang-orang kafir itu seperti pada firman-Nya ayat (6) yang telah lalu dan lainnya. Dan mengapa Nabi memberi takut apakala ia ketahui akan hal kafir tiada mahu

beriman?adakah faedahnya??dan adakah hikmahnya?memberi takut dan memberi ingat orang yang berkekalan di dalam kufurnya. (Al-jawab) tersebut di dalam tafsir Nasafi: bermula hikmah memberi takut (memberi inzar) orang kafir serta berkekalan mereka itu di dalam kufurnya ialah kerana tiga perkara [pertamanya] mendirikan hujah yakni menjadikan inzar itu keterangan dan dalil apa yang berlaku dalam dunia daripada orang kafir pada hari akhirat [keduanya] supaya menyampaikan apa suruhan Tuhan itu meratai manusia [ketiganya] supaya dapat pahala menyampaikan apa yang disuruh sampaikan (Al-Marbawi, 1964)."

### iii. Pengutusan dua orang pesuruh Nabi Isa a.s:

"[155] Masalah: Pesuruh Nabi Isa diutuskan oleh Nabi Isa dua orang apa hikmahnya (jawab) kata Imam Fakhr al-Razi –bermula hikmahnya sehabis-habis sempurna ialah jadi hujah yang cukup sempurna- kerana bukankah dua pesuruh itu diutuskan dari pihak Nabi Isa dengan izin Tuhan, maka jadilah atas keduanya menghabiskan kerjanya kepada Nabi Isa dan mendatangkan barang yang disuruh Allah. Adapun Tuhan itu mengetahui ia dengan tiap-tiap suatu tiada berhajat kepada seorang yang jadi saksi naik saksi di sisinya. Adapun Nabi Allah Isa itu manusia, maka disuruh Tuhan akan dia dengan mengutuskan dua orang, supaya jadi perkataan orang berdua atas kaum keduanya di sisi Nabi Isa jadi hujah yang cukup sempurna (Al-Marbawi, 1964)."

### iv. Pohon tamar:

"[261] Masalah: *Al- 'Inab* ertinya pohon-pohon anggur. Maka kalimah ini telah disebutkan Tuhan di dalam Qur'an pada ayat 34 yang telah lalu dan dikatakan oleh Imam Fakhr al-Razi hikmah Tuhan sebutkan pohon ini ialah makanan yang sedap dan banyak faedah padanya. Maka mengenal anggur itu ialah satu tanaman yang menjalur, gugusan buah anggur *Shajarah al- 'Inab*: pohon anggur naik di atas para yang diperbuat tentu baginya, dan banyak pokok anggur itu di tanah Arab dan lainnya, dan banyak faedah buahnya (Al-Marbawi, 1964)."

Sebaliknya Mustafa Abdul Rahman didapati tidak menyatakan hikmah yang terkandung di sebalik ayat atau peristiwa.

### 6. Interaksi dengan Pembaca

Al-Marbawi dalam pentafsiran beliau seolah-olah sedang berdialog dengan para pembaca. Beliau banyak menimbulkan persoalan dan kemudian memberikan jawapan terhadap persoalan tersebut, ibarat murid dan guru. Senario seperti ini dapat dilihat dalam tafsiran beliau seperti di bawah:

"[75] Masalah: Qalbu Qur'an itu apa maknanya? (al-jawab) Qalbu di sini maknanya pati atau isi. Maka qalbu al-Qur'an itu maknanya pati dan isi Qur'an dan tersimpan di dalamnya yang dimaksud daripada Iktiqad, kerana segala ahwal bangkit pada hari kiamat dan ahwal kiamat ada tersebut di dalamnya dengan cukupnya sebagai tidak ada tersebut di dalam surah yang lain seumpamanya (Al-Marbawi, 1964)."

Di samping itu beliau juga menggunakan laras bahasa seperti "saudara saudari" seolah-olah beliau merupakan rakan kepada pembaca. Ini bertujuan mendekatkan diri beliau dan menarik perhatian pembaca agar lebih terbuka untuk mengambil pengajaran. Perkara tersebut dapat dilihat seperti contoh di bawah:

"[367] Masalah: Perkara yang membinasakan seseorang (hai saudara saudari) adalah perkara yang membinasakan seseorang itu tiga perkara (pertamanya) kasihkan dunia (keduanya) sangat bakhil hingga tiada mahu membuka tangan bermurah sedikit mengerjakan yang difardhukan Tuhan pada harta seperti berzakat (ketiganya) mengada-adakan bohong dan fitnah. Seperti yang masyhur berlaku ke atas seorang daripada Bani Israel pada zaman Nabi Allah Musa a.s, seorang yang bernama Qarun dengan sebab sangat bakhilnya dan tidak mahu menjunjung perintah Tuhan dan Nabinya pada akhirnya ditelan oleh bumi akan dia dengan semua hartanya sama sekali. Seperti kisahnya akan datang ini (Al-Marbawi, 1964)."

Mustafa Abdul Rahman pula dilihat menggunakan gaya bahasa berbentuk syaran. Gaya bahasa ini tidak menggambarkan komunikasi dua hala antara pengarang dan pembaca. Walau bagaimanapun

bahasa yang digunakan beliau adalah menarik dan mudah difahami oleh para pembaca. Antara contoh gaya bahasa yang digunakan beliau adalah:

“Ini semuanya peringatan kepada mereka, dan tetapi semua peringatan ini tidaklah mereka peduli, dan tidak mereka ambil prihatin, bahkan mereka terus berpaling daripadanya dengan angkuh dan sompong. Keadaan ini adalah perkara yang biasa, kerana setiap kali datang kepada mereka satu ayat Al-Qur'an atau tanda yang jelas yang menerangkan kebenaran Allah dan rasulnya terus mereka itu berpaling daripadanya, dan mereka tidak hendak melihat dan berfikir yang dengannya membawa mereka kepada beriman dan mengenal Tuhan. Demikianlah kelakuan mereka yang engkar itu dan orang-orang yang seperti mereka itu yang ada pada setiap masa. (Mustafa, 1961)”

## 7. Penggunaan Isyarat

Al-Marbawi dalam pentafsiran beliau banyak menggunakan isyarat. Penggunaan isyarat tersebut kebiasaannya dalam dua keadaan, pertama isyarat kepada perbahasan pada masalah yang lain dan yang kedua isyarat kepada kitab lain. Untuk gambaran lebih jelas penulis datangkan contoh berikut:

### i. Isyarat kepada masalah lain

Contoh 1: “[388] Masalah: Tiada orang-orang kafir itu menanti kiamat, bahkan adalah mereka itu jazam di dalam hatinya tidak ada kiamat. Maka betapalah kita faham faham daripada firman Allah Ta ‘ala ( مَا يَنْظُرُونَ إِلَّا صَنِيْخَةً ) itu akan mereka itu menanti kiamat? (kata Imam Fakhr al-Razi) kami kata: adalah orang-orang kafir itu menanti kiamat dengan sungguhnya. Kerana mereka itu memperbuat barang yang mustahak mereka itu jatuh binasa, dan segera azab dan menghampirkan kiamat, jikalau tidak kerana hukum Tuhan dan kekuasaan-Nya dan ilmunya sepatutnya mereka itu memperlakukan barang yang dilakukan oleh mereka itu. Dan pula kita terbalikkan kepada cakap mereka itu: bilakah berlaku kiamat. Cukup cakapnya dengan ejek (lihat masalah 383) dan lainnya. Maka difaham daripada cakap mereka itu serta segala kelakuan dan perangai pekertinya sungguhnya mereka itu menanti kiamat (Al-Marbawi, 1964).”

Contoh 2: “[548] Masalah: Kesamaran yang kedua yang menjadikan ingkar orang kafir akan bangkit hidup semula itu, ialah bahawasanya berserak segala sukuan tubuh ke timur alam dan baratnya. Dan jadi setengah sukuan badan itu dalam perut binatang yang ganas, dan setengahnya diterbangkan oleh angin, bagaimana terupa boleh kembali seperti asalnya hidup semula. (jawabnya) lihat masalah (550) akan datang (Al-Marbawi, 1964).”

### ii. Isyarat kepada kitab lain

Contoh 1: “[129] Masalah: Jemaah yang kuat imannya (adapun) jemaah yang berani dan kuat imannya tidak bergoncang iktiqadnya dan tidak berubah amalnya seperti yang telah ijmak ulama, tidak ia mahu keluar dari jemaah pergi menurut orang yang suka menceraikan persatuan jemaah yang satu ugama dengan kerana dunia gah namanya.

Dan orang yang tetap hati dan kukuh imannya itu takut ia melanggar pesan Nabi s.a.w iaitu sabdanya. ( عَلَيْكُمْ بِالجَمَاعَةِ ، وَإِيْكُمْ وَالْفُرْقَةُ الْحَدِيثُ )) Ertinya lazimkan oleh sekalian kamu hai umatku serta sidang ulama. Dan jauhkan diri sekalian kamu mencela daripada mereka itu. Bacalah hadith ini cukup keterangannya di dalam kitab Nidzam al-Hayah karangan Marbawi (Al-Marbawi, 1964).”

Contoh 2: “Dan dikatakan orang akan dia dengan nama (( Antakiah )) dengan tak ganti طاء . Dan adalah di dalamnya Firaun, dipanggil orang akan dia Antiqsy. Ibnu Antiqsy menyembah ia akan berhala. Telah menyebutkan dia oleh Abu Ja’far an-Nuhas daripada Ka ‘ab dan Wahab. Dan boleh kita kembali lihat sedikit tarikh Antakiah itu di dalam kitab Dairah al-Ma ‘arif karangan Butrus al-Bustani, ialah lain daripada negeri Antakiah yang ada sekarang di dalam Syria (Al-Marbawi, 1964).”

Sebaliknya Mustafa Abdul Rahman dilihat tidak menggunakan metode isyarat dalam pentafsiran beliau. Boleh dikatakan metode susunan kitab tafsir beliau merumitkan perkara tersebut untuk diaplikasikan berbanding Al-Marbawi yang menggunakan susunan mengikut masalah yang disertakan nombor.

Dalam metodologi penyampaian ini, Al-Marbawi dilihat lebih menyerlah dengan beberapa pendekatan yang berbeza. Pengetengahan perbahasan dan khilaf ulama akan membuka minda pembaca terhadap isu-isu berkaitan selain penceritaan kisah yang terperinci akan memuaskan pembaca yang dahagakan maklumat. Perbahasan yang sukar difahami juga dipermudahkan melalui pendekatan perumpamaan selain hikmah sesuatu peristiwa atau perkara juga diterangkan. Penggunaan isyarat dalam penulisan juga menunjukkan beliau mempunyai gaya penulisan yang sistematik dan ini memudahkan pembaca merujuk kepada apa yang dimaksudkan dengan mudah. Interaksi dua hala yang digunakan Al-Marbawi menarik perhatian pembaca, namun pengaruh bahasa klasik tradisional dalam gaya penulisan

menyukarkan pembaca untuk memahami pentafsiran yang dikemukakan.

Mustafa Abdul Rahman pula menggunakan pendekatan yang lebih santai dan lebih cenderung memilih pendapat yang paling tepat dalam sesuatu perkara tanpa menyebut khilaf ulama. Perbahasan yang ringkas, gaya syarahan dan menggunakan bahasa moden memudahkan pembaca memahami penulisan beliau.

Namun tidak dinafikan masih terdapat persamaan antara keduanya dalam menjelaskan ayat yang bersifat umum dan aspek yang melibatkan isu kemasyarakatan. Tambahan pula mereka hidup sezaman dan masyarakat pada ketika itu masih lagi mengamalkan gejala tidak sihat seperti berjudi, mempercayai dan mengamalkan khurafat serta menganut kepercayaan salah (Mustaffa, 2009).

## Kesimpulan

Kedua-dua tokoh tafsir mempunyai aspek pemikiran dan metodologi penyampaian yang tersendiri. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkara tersebut seperti kecenderungan, tahap keilmuan, suasana masyarakat, persekitaran, dan lain-lain. Pada hemat pengkaji sebab utama berlaku jurang perbezaan ialah hasrat dan tujuan pengarang menghasilkan kitab mereka. Jika dilihat Mustafa Abdul Rahman amat menekankan penghayatan masyarakat kepada al-Qur'an, justeru beliau telah cuba menghasilkan tafsir 30 juzuk al-Qur'an sesuai untuk semua lapisan. Manakala tafsir Al-Marbawi pula tidak

meliputi keseluruhan al-Qur'an, maka beliau memperincikan perbahasan tafsir sesuai untuk golongan pertengahan dan bawahan.

Penghasilan karya dan kesungguhan kedua-dua tokoh ini diharapkan menjadi aspirasi kepada ilmuwan kini untuk menghasilkan karya yang dapat memenuhi keperluan dan citara masyarakat kontemporari seiring dengan perkembangan ilmu dan kecanggihan teknologi, agar mesej dakwah dan intipati al-Qur'an dapat difahami dan diamalkan dalam rentas kehidupan kekinian.

## Rujukan

- Alwi, E. A. Z. E. (2007). Definisi Ahl al-Sunnah wa Al-Jamaah: Satu Analisis. *Jurnal Usuluddin*, 25, 125-143.
- Zakaria, Anwar Ridwan (2007), Kitab Hidangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim Karangan Idris al-Marbawi: Kajian Metodologi Huraian Hadith. (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Alwi, E. A. Z. E. (2007). Definisi Ahl al-Sunnah wa Al-Jamaah: Satu Analisis. *Jurnal Usuluddin*, 25, 125-143.
- Asmidar Ahmad Dalan (2003), Metodologi Mustafa Abdul Rahman dalam Pentafsiran Surah al-Nahl. (Latihan Ilmiah, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)
- Che Hasmawati Che Awang (2004), Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman: Sejarah Hidup dan Sumbangannya dalam Ilmu Hadith di Malaysia. (Disertasi Sarjana, Pengajian Islam Akademi, Universiti Malaya Kuala Lumpur).
- Haziyah Hussin et. al, "The Trend of Malay Quranic Commentary Writing in Malaysia in the 20th Century". *Journal of Applied Sciences Research*, 8(8), (2012) hlm. 4343-4349.
- Idris, Jabir (2012), Maqalat al-Tashbih wa Mawqif Ahl al-Sunnah Minha. Riyadh: Adwa' al-Salaf.

- Khadher Ahmad, Ishak Hj Suliaman dan Sedek Ariffin, penyunting. Mohd Roslan Mohd Nor dan Khadher Ahmad, *Islam dan Ketamadunan Melayu: Sumbangan Ke Ara Kemajuan Sejagat* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014).
- Khadher Ahmad dan Abdul Rashid Ahmad. *Analisis Khazanah Warisan Nabawi: Metodologi Penulisan Hadith Dalam Kitab Tafsir Surah Yasin Karangan Sheikh Idris Al-Marbawi*. (Prosiding Seminar Warisan Nabawi Kedua, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM, 2010).
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Mohd Najib Abdul Kadir. Pengenalan Tokoh dan Kitab-kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara (Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009)
- Muhammad Idris Al-Marbawi, *Tafsir Qur'an Marbawi Surah Yasin* (Mesir: Matba'ah al-Anwar, 1964)
- Mustafa Abdul Rahman, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*, Penggal 23 (Pulau Pinang: Persama Press, 1961)
- Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Malaysia* (Pahang: Book Pro Publishing Services, 2009)
- Nor Azlida Aziz, *Metodologi Pentafsiran Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi Dalam Tafsir Qur'an al-Marbawi*. (Dissertasi Master Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010)
- Nor Syamimi Mohd, Haziyah Hussin & Wan Nasyrudin Wan Abdullah, "Scientific Exegesis in Malay Qur'anic Commentary". *Asian Social Science*, Vol. 10, No. 10 (2014), hlm. 236-242
- Nurzatil Ismah Azizan, *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Said b. Umar dan Tafsir al-Qur'an al-Hakim oleh Mustafa Abdul Rahman: Kajian Perbandingan Metodologi Pentafsiran*. (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2009).
- Wahab, M. R., & Azmi, M. F. (2013). Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah. *Sains Humanika*, 63(1).